

Headline	17 tahun berjiran dengan ayam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 May 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	52
ArticleSize	749 cm ²	Journalist	SAPINAH AB
PR Value	RM 38,328		



Mustapa dan Md Yuslan bersama sobahagian penerima.



Salleh dan Palidah tidak pernah menyangka dapat mendiami rumah sendiri selepas 17 tahun tinggal dalam bangsal.

17 tahun *berjiran dengan ayam*

20 keluarga sambut Aidilfitri di rumah baharu hasil bantuan Projek Baiti Jannati TNB 2017

SAPINAH AB GHANI

JELI - Penantian sebuah keluarga di sini, untuk mendiami rumah sendiri yang lebih selesa berakhir apabila menerima bantuan itu menerusi Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2017, semalam.

Salleh Drahman, 61, berkata, sebelum ini, mereka sekeluarga tinggal di bangsal kecil dengan dikelilingi reban ayam.

Menurutnya, bangsal itu disediakan majikannya bagi memudahkan mereka menjalankan rutin hariannya sebagai penjaga projek temakan ayam daging.

"Sudah 17 tahun kami tinggal di sini, walaupun kawasan ni bau ayam tapi kami tak ada pilihan lain.

"Mujur juga ada bangsal ni, walaupun kadangkala kami perlu berhimpit namun sekurang-kurangnya kami ada tempat berteduh selain tak perlu menyewa," katanya yang mempunyai empat anak.

Salleh berkata, dia dan isteri Palidah Ismail, 43, begitu terharu dengan bantuan yang tidak ternilai itu malah mengakui Ramadan dan Syawal mereka tahun ini lebih

INFO • Dibina dengan kos lebih RM1 juta.

bermakna.

"Terima kasih pada TNB, tak tahu bila pakcik boleh duduk rumah sendiri kalau tak ada bantuan seperti ni.

Gaji RM900 sebulan hanya cukup makan kami anak beranak," katanya yang datang dari Kampung Berangan Mek Nab, Machang.

Salleh berkata demikian ketika ditemui media selepas menerima kunci rumahnya dalam majlis kesyukuran projek Baiti Jannati TNB peringkat Kelantan yang disampaikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed di sini.



NAZRI

Salleh adalah salah seorang daripada 15 penerima yang menerima bantuan itu, semalam.

Rumah musnah dalam kebakaran

Seorang lagi penerima, Nazri Shukri, 40-an dari Kampung Surau Bachok pula berkata, sebelum ini, dia menumpang di rumah ibunya selepas rumah peninggalan datuknya yang didiami sebelum ini musnah dalam kebakaran.

Menurutnya, dia begitu terharu dengan bantuan rumah daripada TNB dan berterima kasih kepada agensi berkenaan kerana membantu menyelesaikan masalah tempat tinggal yang menghantuinya sejak beberapa tahun lalu.

"Memang gembira sangat. Kalau nak buat sendiri, tak tahu bila boleh buat.

"Gaji saya hanya cukup-cukup untuk keperluan harian kami empat beranak," katanya yang hanya bekerja kampung.

Borhan Md Nor, 37, pula berkata, tanpa bantuan rumah berkenaan mungkin dia masih hidup menyewa sehingga hari ini.

Dia yang sudah 15 tahun hidup menyewa tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya apabila bakal menyambut Aidilfitri di rumah sendiri tidak lama lagi.

20 penerima layak dikenal pasti



Mustapa diiringi Md Yuslan menyempurnakan gimik penyerahan bantuan rumah Baiti Jannati TNB Kelantan di sini, semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar TNB, Datuk Ir Md Yuslan Md Yusof berkata, seramai 20 penerima yang dikenal pasti layak dibantu melalui projek bantuan rumah berkenaan di seluruh negeri pada tahun ini melibatkan kos lebih RM1 juta.

Menurutnya, seramai 15 penerima sudah menerima rumah mereka dan lima keluarga lagi akan menerimanya menjelang Aidilfitri ini.

Katanya, sejak projek bantuan rumah Baiti Jannati ini diperkenalkan pada 2008 hingga tahun ini, sebanyak 61 rumah berjaya dibina dengan kos RM2.77 juta.

"Apa yang diharapkan rumah dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu lebih selesa dan tandas lebih sempurna ini akan memberi-

kan kehidupan lebih selesa buat penerima," katanya.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, pembinaan rumah Baiti Jannati itu adalah satu penghormatan buat rakyat negeri ini dan membantu meringankan beban kerajaan dalam memenuhi permintaan rakyat.

Beliau turut menggesa lebih banyak pihak swasta tampil membantu kerana keperluan terhadap rumah-rumah asnaf ini cukup besar dan kerajaan tidak mampu untuk memenuhi semuanya.

"Di Jeli sendiri, setiap kampung memang ada rumah yang perlu dibina dan dibaiki, dengan adanya bantuan ini sudah pasti ia meringankan beban saya sebagai wakil rakyat," katanya.



Borhan (kanan) menceritakan mengenai kehidupannya kepada Mustapa, Md Yuslan dan wakil TNB sebelum menerima bantuan rumah berkenaan.